

## **DILEMA ZA'BA: PERANGAI ORANG MELAYU BERGANTUNG KEPADA DIRI SENDIRI**

### ***DILEMMA OF ZA'BA: ATTITUDE OF MALAYS DEPENDS ON THEMSELVES***

*Azhar Wahid*

*Fathin Noor Ain Ramli*

*Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Tanjong Malim, Perak*

*azhar@fbk.upsi.edu.my*

#### **ABSTRAK**

*Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri*, suatu dilema Za'ba terhadap kemunduran orang Melayu adalah disebabkan sebahagian besarnya mereka tidak percaya pada kebolehan sendiri, lemah cita-cita, kurang berhemah dan terlalu bergantung harap kepada orang lain. Dalam keadaan dilema, orang Melayu diseru supaya berikhtiar dan berusaha sendiri dengan seberapa upaya dan tidak bergantung kepada pertolongan orang lain. Diri sendiri mestilah merasa bertanggungjawab bagi menyempurnakan akan kewajiban dan tanggungan diri dalam sebarang perjuangan dan perlumbaan kehidupan. Perangai bergantung kepada diri sendiri boleh dikatakan sebagai akar tunjang kepada sesuatu kejayaan kerana ia merupakan asas tempat berdiri segala kemajuan dalam pembangunan sesuatu bangsa. Pembangunan yang perlu dilalui oleh orang Melayu memerlukan perancangan yang rapi melalui pendidikan, terutama dalam usaha memperbaiki nilai dan mengubah sikap mereka yang dapat meningkatkan daya saing kemajuan serta memperkukuhkan kekuatan Islam dalam proses sosialisasi kemasyarakatan.

**Kata Kunci:** dilema, perangai, nilai, pembangunan, pendidikan

#### **ABSTRACT**

*Self-dependent behaviour, a Za'ba dilemma towards the setback of Malays is because most of them do not believe in their own abilities, weak ambitions, less prudent and too dependent on others. In a dilemma, the Malays are called upon to endeavor and to work on their own with the effort and not to depend on the help of others. Ownself must be responsible for completing the duties and responsibilities of any struggle and life race. Self-dependent behavior can be said to be the root of success because it is the basis of which stands for all progress in the development of a nation. The development that the Malays have to go through requires a careful planning through education, especially in the effort to improve value and change their attitude which can improve the competitiveness of progress as well as strengthen the strength of Islam in the society socialization process.*

**Keywords:** dilemma, behavior, values, development, education

#### **PENGENALAN**

Za'ba atau nama penuhnya Zainal Abidin bin Ahmad merupakan tokoh bahasa dan budaya Melayu yang sudah tidak asing lagi sejak awal abad ke-20. Beliau mempunyai kebolehan tidak hanya dalam soal bahasa dan adat resam Melayu, tetapi juga mampu memikirkan persoalan utama tentang kehidupan orang Melayu yang lebih luas, seperti soal kemiskinan, pendidikan, budi pekerti dan amalan agama orang Melayu. Pernyataan Za'ba bahawa kelemahan sahsiah adalah punca utama kelemahan bagi sesuatu bangsa merupakan kesimpulan yang telah dibuat dalam penulissannya *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri*. Menurutnya, kemunduran orang Melayu adalah disebabkan sebahagian besarnya kerana mereka tidak percaya pada kebolehan sendiri, lemah cita-cita, kurang berhemah dan terlalu bergantung harap

kepada orang lain. Malah orang Melayu dikatakan lebih cenderung meminta bantuan dan pertolongan daripada orang lain.

Pandangan tersebut memang agak berat untuk diterima oleh orang Melayu dan sebab itulah penulisan “Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri” tidak dikeluarkan semasa hayatnya. Setelah lapan tahun beliau meninggal (1973), penulisan ini baru diketahui oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, maka diterbitkan untuk dibaca oleh orang Melayu. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa penulisan “Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri” ini merupakan dilema Pendeta Za’ba terhadap pembangunan bangsa Melayu. Dilema lebih kurang bererti serba salah. Orang yang berada dalam keadaan serba salah tidak tahu apakah yang harus dilakukan. Seperti kata peribahasa Melayu, ‘hendak ditelan termengkelan, hendak diludah tiada keluar’, maksudnya orang yang berhadapan dengan masalah yang sangat sulit, atau yang berada dalam keadaan serba salah. Biasanya, orang yang berada dalam keadaan serba salah itu tidak mempunyai peluang yang banyak untuk memilih jalan keluar yang sesuai dengan kehendak hatinya. Dalam hal ini, Za’ba cuba menyeru kepada orang Melayu supaya berikhtiar dan berusaha sendiri dengan seberapa upaya dan tidak bergantung kepada pertolongan orang lain dan berdoa kepada Tuhan memohon pertolongan dari Nya. Perangai bergantung kepada diri sendiri itu merupakan akar umbi bagi mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Malah perangai bergantung kepada diri sendiri dan berkerja keras merupakan sifat yang mulia dan istimewa dari sudut pandangan Islam.

### **Tanggapan Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri**

Za’ba berpandangan bahawa kita seharusnya menjalankan tanggungjawab dalam kehidupan dengan tidak bergantung kepada orang lain yang akan menjalankan dan tidak berharap kepada pertolongan orang untuk menyempurnakannya. Diri sendiri mestilah merasa bertanggungjawab bagi menyempurnakan akan kewajiban diri dan tanggungan diri dalam sebarang perjuangan dan perlumbaan kehidupan. Seharusnya bagi orang tetap, tekun dan sabar menjalankan kerja-kerja kewajibannya dengan bergantung kepada ikhtiar dan daya upaya dirinya sendiri, dan memohon pertolongan hanya kepada Allah sahaja akan beroleh kejayaan.

Maka yang dikatakan perangai bergantung kepada diri sendiri itu adalah seseorang yang melakukan sendiri tentang apa jua kerjanya, membuat pertimbangan serta bersedia menerima apa keputusan yang diperolehi daripada hasil usaha yang dilakukannya. Oleh yang demikian, perangai bergantung kepada diri sendiri ini boleh dikatakan sebagai akar tunjang atau umbi kepada sesuatu kejayaan kerana ia merupakan asas tempat berdiri segala kemajuan dalam pembangunan sesuatu bangsa. Perangai itu tidak akan memberi peluang kepada tabiat suka bertawakal buta atau berserah kepada nasib semata-mata iaitu suatu tabiat yang selalu dilakukan oleh orang Melayu yang jauh ketinggalan dan boleh menjatuhkan nilai kemanusiaan dalam kehidupan. Jika perasaan bergantung kepada diri sendiri kukuh dimiliki, menyebabkan seseorang itu merasa wajib membuat sendiri atas segala apa kerja dan menyempurnakannya sendiri juga.

Pada tanggapan Za’ba, perangai bergantung kepada diri sendiri ini adalah di antara sifat-sifat kelebihan yang membawa kepada ketinggian umat dan kemajuannya. Apabila terdapat pada sesuatu bangsa yang mempunyai perangainya kuat bergantung kepada kebolehan dirinya sendiri dan tidak memerlukan bantuan dan sokongan daripada orang lain, nescaya bangsa itu akan maju dan berdiri megah;

“Sesuatu negeri dan bangsa menjadi naik atau turun, menjadi maju atau ketinggalan, ialah semua itu terikat sebabnya kepada sifat-sifat keadaan diri tiap-tiap seorang tunggalnya yang menjadikan bangsa itu atau yang menduduki negeri itu. Terutama di antara sifat-sifat itu ialah keadaan bagaimana kuatnya atau kurangnya tiap-tiap seorang mereka itu memegang dan mengamalkan perangai bergantung kepada diri sendiri ini. Kerana yang dikatakan ‘bangsa’ itu ialah suatu tubuh atau kumpulan yang terjadi daripada perhimpunan diri-diri tunggalnya. Maka diri-diri tunggal yang berkerja dengan usaha yang kuat dan cergas, apabila banyak bilangannya dalam bangsa itu, tetaplah akan menjadikan bangsa itu kuat dan cergas. Tetapi sebaliknya diri-diri tunggal yang malap lembap dan lemah usahanya, apabila ramai adanya, tetaplah pula akan menjadi bangsa yang lemah”

(Za’ba, 2007: 7)

Ini menunjukkan bahawa jika setiap orang daripada sesuatu bangsa yang kuat bergantung kepada diri sendiri dan percaya atas keupayaan sendiri akan membawa kepada kejayaan dan kemajuan sesuatu

bangsa itu. Jika sebaliknya pula bagi sesuatu bangsa yang tidak bergantung kepada dirinya sendiri, maka kejayaan sukar diperolehi. Apa yang difikirkannya adalah kelemahan atau ketidakupayaannya, tiada berdaya upaya, tiada kemampuan, dan ketidakpercayaan untuk beroleh kejayaan, dan sebagainya. Dengan kata lain, mereka yang berperasaan lemah, tidak bergantung kepada dirinya sendiri dan tidak mempunyai kepercayaan diri telah merendahkan darjat dirinya sendiri. Oleh yang demikian, mereka menyekat dan menghalang bukan hanya diri mereka tetapi bangsa mereka juga yang turut tidak beroleh kemajuan dan kejayaan. Contohnya jika berkuli maka berkuli jugalah seumur hidup, jika mendapat kehidupan dengan menjual kuih maka dengan berjual kuih itulah juga mereka kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang hingga akhir umurnya. Anak-anak mereka kelak akan mengikutilah juga begitu hingga turun temurun. Tiada terlintas di hati mereka memikirkan yang anak-anak tersebut boleh dijadikan baik dan ditunjuk jalan untuk berubah kehidupan yang lebih baik.

Sehubungan itu, apa yang dilihat dan dibimbangi oleh Za'ba telah berlaku dalam masyarakat Melayu, dan ini menyebabkan bangsa Melayu terkandas dan terhalang daripada mendapat kemajuan yang diinginkan. Padahal bangsa lain yang percaya akan kebolehan diri mereka dan kuat bergantung kepada diri mereka sendiri sentiasa berusaha dan berikhtiar, belajar dan berniaga hingga mereka berada jauh maju ke hadapan berbanding dengan pencapaian orang Melayu yang ke belakang dalam serba-serbi. Orang Melayu dikatakan sentiasa berkehendak pertolongan orang dan selalu tertadah-tadah mengharap kiranya ada orang-orang yang mahu menolongnya, sekiranya kerajaan atau orang-orang besar yang mahu menolong, itu terlebih baik. Misalnya jika hendak memasukkan anak ke sekolah rendah atau tinggi, maka sentiasalah mereka hendak mendapat percuma atau mereka berharap mendapat bantuan daripada kerajaan akan memberi biasiswa (sekarang PTPTN) kepada anak mereka. Jika tiada biasiswa atau pinjaman tiadalah upaya mereka membiayainya, kerana mereka miskin dan sentiasa mengaku miskin dan tidak tahu berusaha dan tidak pandai berikhtihar mencari wang sendiri atau berjimat cermat dengan mengumpulkannya untuk membiayai pendidikan anak-anak mereka.

Jika dilihat bangsa lain walaupun mereka sendiri tiada berpelajaran tetapi dengan sehabis dayanya mereka berkebun sayur, menjual kayu api, berjual air batu, mengayuh beca, berjimat belanja, berpenting makan minum menyebabkan mereka dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan belanja mereka sendiri dan membiayainya semua kos pendidikan. Walaupun di sekolah bangsa mereka sendiri, mereka tidak diberi percuma semuanya seperti anak-anak di sekolah Melayu.

Demikian pula jika hendak berniaga, orang Melayu tiada bermodal dan tiada upaya mencari modal walaupun modal yang kecil dengan ikhtiar sendiri dan sentiasa mengaku tiada upaya untuk berniaga. Sebaliknya jika ada modal sekalipun, mereka tiada upaya untuk menjalankannya dengan jalan yang betul dan cara yang teratur, serta beramanah dan berjimat cermat sehingga mencapai kejayaan dan dipercayai ramai. Padahal jika dibandingkan dengan bangsa lain yang datang bagaikan "singkek" ke negara ini dengan ketiadaan sebarang harta dan wang belanja, hanya yang ada tulang empat kerat dan akal ikhtiar serta kepercayaan akan kebolehan diri sendiri, akhirnya mereka dapat berikhtihar mencari wang dan memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Bahkan, dilihat mereka akan negara ini sememangnya negara yang kaya dan mudah memperolehi wang, sehinggakan sampah di tepi jalan pun boleh mendatangkan wang. Akhirnya dengan berjimat cermat dan berdikit-dikit mereka dapat membuka kedai kecil-kecilan, barangkali di kampung-kampung, di kebun-kebun getah atau di hulu-hulu sehinggalah perniagaan mereka semakin besar dan berjaya. Kesudahannya sehingga penuh kawasan bandar, pasar kecil terdapat kedai-kedai dan tempat perniagaan yang dijalankan oleh bangsa lain.

Menurut Za'ba, kebanyakan orang yang berjaya hidupnya di dunia ini adalah orang yang telah mencapai kemenangan, kesenangan, kenamaan dan kebahagiaan dari tingkat yang rendah dan di bawah telah beroleh kejayaan itu bukanlah dengan jalan nasib atau dengan sebab pertolongan orang tetapi dengan jalan bergantung kepada diri mereka sendiri dan percaya kepada kebolehan sendiri. Mereka telah berkerja dan berusaha bersungguh-sungguh dengan tetap dan bulat hati serta penuh keyakinan untuk memperolehi kejayaan. Oleh itu, bukanlah mereka berjaya atas sebab mereka anak orang kaya atau sebab mereka sendiri telah sedia kaya dan itu bukanlah kejayaan namanya.

Pandangan dan penelitian Za'ba tentang dilema pembangunan orang Melayu, menurut Wan Abdul Kadir (1996) telah dilakukan secara kritis berasaskan pengalaman dan pemerhatiannya secara umum dalam kehidupan masyarakat Melayu. Namun segala yang dipaparkan dalam penulisannya menyatakan bahawa beliau amat perihatin terhadap bangsanya dan dilakukan dengan harapan dapat diterima dan direnung bersama oleh semua peringkat orang Melayu. Walau bagaimanapun, beliau

menyedari tentang reaksi pihak pemerintah, kolonial pada masa itu terutama menyentuh tentang polisi dan sistem pentadbiran terhadap orang-orang Melayu.

Za'ba melihat kelemahan orang-orang Melayu dari dua perspektif utama, iaitu sistem politik kolonial yang menekan orang-orang Melayu menyebabkan orang-orang Melayu tidak mempunyai peluang dan ruang untuk memperbaiki kedudukan mereka. Manakala, keduanya kelemahan mereka itu juga dilihat sebagai terletak kepada nilai dan sikap yang dimilikinya sendiri. Misalnya, dikatakan kurang inisiatif untuk memperbaiki diri sendiri dan nasib orang Melayu keseluruhannya. Nilai dan sikap orang Melayu diperhatikan jauh berbeza berbanding dengan orang-orang bukan Melayu dalam usaha menghadapi cabaran penghidupan moden.

Nilai-nilai tradisi yang diperturunkan dari satu generasi kepada generasi berikutnya dianggap oleh Za'ba sebagai penghalang daripada mengalami perubahan dan seterusnya kurang mendorong mereka untuk bersaing dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Malah, orang-orang Melayu yang umumnya lemah dalam pendidikan adalah disebabkan peluang mereka agak terbatas untuk mereka mempertingkatkan pencapaian dalam pendidikan, dan ini dianggap sebagai asas utama yang menyebabkan mereka terikat kepada warisan tradisi. Pembangunan yang perlu dilalui oleh orang-orang Melayu memerlukan perancangan yang rapi, terutama dalam usaha memperbaiki nilai dan mengubah sikap mereka. Za'ba berpendapat hanya melalui pendidikan yang dipercayai akan dapat meningkatkan daya saing orang-orang Melayu.

Di samping itu, orang-orang Melayu yang ramai tinggal di kawasan kampung dianggap jauh ketinggalan dalam menghadapi perubahan dan pembangunan pesat yang dibawa oleh pemerintah kolonial. Mereka kurang pendidikan, terikat dengan tradisi dan tidak berusaha untuk memperbaiki atau menyesuaikan dengan pembangunan dan kemodenan yang berlaku di peringkat yang lebih luas. Satu golongan orang Melayu yang dirujuk oleh Za'ba ialah mereka yang tinggal di bandar, terdiri daripada golongan elit dan bangsawan Melayu serta golongan pekerja. Pada pandangan beliau golongan elit dan bangsawan Melayu ini lebih mementingkan kehidupan mereka sendiri, tidak mempunyai inisiatif untuk membangun dan memperbaiki kedudukan bangsanya yang serba kekurangan. Mereka didapati kurang mengambil tahu tentang pembangunan masyarakat dan negara. Malah, adakalanya mereka juga kurang menitikberatkan tentang usaha untuk meningkatkan pendidikan di kalangan bangsanya.

Orang-orang Melayu yang tinggal di bandar juga mengutamakan kegiatan-kegiatan yang bercorak sosial dan budaya. Mereka mudah terpengaruh dengan perubahan budaya yang begitu pesat sehingga mengengapikan kepentingan agama dan nilai-nilai sosial tradisi yang dipupuk sekian lamanya, malah mereka tidak peka dengan kedudukan nasib bangsa mereka sendiri. Oleh yang demikian Za'ba merasakan dilema pembangunan bangsa Melayu yang begitu ketara akan kelemahannya seharusnya perlu diperbaiki oleh mereka sendiri untuk menghadapi cabaran masa depan yang kian pesat dilanda arus perubahan dan kemodenan. Hanya diri mereka sahaja yang dapat menentukan nasib mereka dan bangsanya sendiri yang bergantung harap kepada sikap dan perangai diri sendiri yang perlu diubah dengan nilai keyakinan dan kepercayaan yang tinggi.

Bagi menjamin kemajuan orang-orang Melayu, di samping memperbaiki diri dalam pendidikan, mereka juga perlu memperkukuhkan kekuatan Islam dalam proses sosial. Pengajaran Islam cara lama yang dikaitkan dengan kurang menekankan kepada kemajuan di dunia seharusnya diperbaharui. Manakala ilmu pengetahuan agama yang menjadi amalan tradisi selalunya dianggap terlalu ekstrim dan fahaman lama yang kurang sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan moden perlu diselaraskan. Pendidikan Islam yang sewajarnya amat penting dalam membina tembok yang kukuh bagi orang-orang Melayu menghadapi cabaran kemodenan dan pembangunan. Malah, pendidikan Islam dianggap sebagai teras yang dapat mempertahankan keharmonian dan kejayaan orang-orang Melayu.

Justeru itu, Za'ba amat memahami tentang paras pengajaran Islam yang berlaku di kalangan orang-orang Melayu, terutama di kampung-kampung. Pendidikan Islam perlu disampaikan dengan cara sebaiknya. Guru-guru yang memberikan pendidikan Islam sepatutnya berfikiran luas dan mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas. Nilai-nilai Islam yang dipupuk kepada generasi muda perlulah bersesuaian dengan perubahan dan perkembangan ilmu pengetahuan moden. Ilmu itu sentiasa berkembang, maka penyampaian hendaklah dilakukan dengan kaedah dan tumpuan yang sewajarnya. Amalan dan pemikiran lampau yang dianggap oleh Za'ba sebagai keterlaluan, sehingga tidak mengambil tahu tentang perkembangan dunia moden mendapat kencamannya. Diperkatakan secara terperinci dalam penulisannya "Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri" (risalah 2: bab4 bersendiri pada ilmu dan amalan, risalah 3 kebajikan dan kejahatan: yang terdiri daripada bab 1; fahaman

yang luas, bab 2; baik dan jahat tetap ada, bab3 fahaman yang sempit, dan bab 4 kejatuhan umat Islam dan jalan kepulihannya).

Tanggapan Za'ba mengenai persoalan amalan agama orang Melayu dikatakan meskipun orang Melayu sudah memeluk Islam selama 600 tahun yang lalu, tetapi mereka masih tetap berkelakuan seperti keadaan zaman sebelum mereka menganut agama Islam. Mereka masih percaya kepada perkara-perkara karut dan seolah-olah Islam tidak mampu menghilangkan unsur-unsur kepercayaan masa lampau daripada orang-orang Melayu. Za'ba memang tidak meragui keislaman orang Melayu walaupun mereka tidak mengerti ajarannya dengan betul. Namun, tingkat dan tahap pengajaran agama Islam orang Melayu adalah rendah kerana mereka tidak diajar pelajaran agama bersungguh-sungguh sejak kecil dan hanya diajar al-quran dan sedikit fardu'ain. Tingkat dan tahap pelajaran agama di kampung-kampung dikatakan masih diliputi kepercayaan-kepercayaan bid'ah dan khurafat seperti kubur-kubur keramat, makam-makam wali dan sebagainya.

Seterusnya, perkembangan pendidikan yang pesat dan penyebaran maklumat yang meluas melalui media massa membawa perubahan penting kepada proses sosialisasi orang-orang Melayu. Proses sosial yang dilalui oleh orang-orang Melayu semakin terbuka dan mereka terdedah kepada penerapan nilai-nilai baharu. Keadaan ini membawa perubahan secara menyeluruh kepada cara hidup orang-orang Melayu, walaupun adakala masih terdapat keadaan yang mengikat mereka kepada tradisi dan tidak mudah untuk membawa perubahan nilai. Walau bagaimanapun pandangan Za'ba tentang proses sosial yang dilalui oleh orang-orang Melayu itu tidak dapat dinafikan perlu mengalami perubahan bagi membolehkan mereka bergerak maju. Pengalaman proses sosial yang dilalui oleh mereka itu pula, terutama dalam menghadapi proses urbanisasi dan modenisasi yang pesat kini perlulah sentiasa diimbangi dengan pendidikan Islam bagi membolehkan mereka mempertahankan keharmonian nilai sosial.

Oleh yang demikian, apa yang dapat dikatakan bahawa pendidikan Islam tidak boleh dipisahkan daripada perubahan yang berlaku di sekitarnya. Dalam keadaan ini, beliau menekankan bahawa pendidikan moden dan pendidikan Islam itu sebaiknya dituntut oleh orang-orang Melayu bagi membolehkan mereka memperbaiki cara hidup mereka. Pendidikan Islam tidak boleh diketepikan walaupun masyarakat Melayu turut mengalami perubahan dan menjadi tanggungjawab mereka sendiri untuk memperkukuhkannya dalam pembangunan kemodenan.

Selain daripada sifat bergantung kepada diri sendiri yang ditunjukkan akan pentingnya dalam perkara-perkara pekerjaan hidup di dunia, tentulah sifat itu tidak boleh tidak amat mustahak dalam hal-hal pemikiran dan kepercayaan mengikut kefahaman agama sebelum mengamalkannya. Yakni menurut Za'ba, kita wajib seberapa bolehnya menimbang sendiri dengan akal dan ilmu pengetahuan kita pada perkara sedemikianya. Dengan kata lain, kita tidak disuruh bertaklid buta dengan mengikut dan menerima sahaja dengan tiada soal jawab dan tiada pengertian hujung pangkal akan apa-apa yang diterimanya, kecuali jika kita jahil yang tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan dan pemikiran sendiri.

Di samping itu, sebarang usaha untuk penyegaran nilai ilmu terhadap orang-orang Melayu seharusnya melibatkan seluruh gerakan rakyat termasuk parti-parti politik, badan-badan dakwah dan badan-badan kebudayaan. Parti politik tidak seharusnya cuma bermodalkan semangat, sentimen, emosi atau wang semata-mata. Politik tanpa kekuatan intelektual tidak akan mampu membawa perubahan yang positif dan bermakna pada masyarakat. Sebaliknya hanya akan membazirkan potensi dan kekuatan umat dalam sengketa yang berterusan. Ahli-ahli politik kita seharusnya mempunyai rasa tanggungjawab mendidik umat dengan idealism perjuangan yang murni, moral politik yang luhur dan program pembangunan yang komprehensif, bukan dengan budaya politik caci-maki dan sumpah-seranah yang bertentangan dengan kemuliaan nilai ilmu. Demikian juga dengan badan-badan dakwah yang seharusnya memainkan peranan penting mendidik umat mencintai dan menguasai ilmu. Gerakan dakwah yang tidak mempunyai kekuatan intelektual dan tidak mempunyai program keilmuan tidak akan mampu menterjemahkan keunggulan Islam dalam realiti kehidupan umatnya.

## **PENUTUP**

Orang Melayu mampu menguasai keadaan, tidak hanya berserah kepada keadaan sekiranya mereka tidak dihang oleh peraturan dan sistem yang menyekat kebebasan mereka, sebagaimana yang berlaku dalam

zaman penjajahan dahulu. Lebih penting lagi, orang Melayu perlu melakukan proses pendidikan semula untuk memahami akal budi mereka, kembali kepada ciri-ciri dan nilai budaya mereka yang sudah bertahan sejak berzaman serta mempunyai kekuatan dan keyakinan tinggi akan keupayaan diri sendiri dijadikan acuan kejayaan dalam pembangunan bangsa serta berdaya saing menghadapi cabaran zaman sekarang.

Bangsa Melayu menghadapi masalah dan ketinggalan dalam pelbagai bidang bukan kerana mereka lemah tetapi kerana mereka membuang acuan mereka sendiri, akibatnya mereka kehilangan pertahanan budaya dan agama untuk melakukan perubahan dan pembaharuan dalam politik, ekonomi, sosiobudaya dan moral. Dengan kata lain, kelemahan yang dihadapi oleh bangsa Melayu hari ini adalah yang datang dari dalam diri mereka sendiri yang tidak mengenal kekuatan yang ada pada bangsa mereka sendiri.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hamid Mahmood, Idris Radzi, Nik Hassan Basri. (2010). *Memartabat warisan pendeta Za'ba*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Adnan Hj. Nawang. (2007). *Za'ba dan Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hassan Ahmad. (2002). *Imbasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2006). *Ke arah kelahiran Melayu glocal*. Shah Alam: Alaf 21 Sendirian Berhad.
- Mohd Taib Osman dan Hamdan Hassan. (1993). *Bingkisan kenangan untuk Pendeta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pendeta Za'ba. (2007). *Perangai bergantung kepada diri sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Siddiq Fadzil. (1998). *Minda Melayu baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).
- Wan Abdul Kadir. (1996). *100 tahun Za'ba*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.